

**PERBANDINGAN PERANAN, TUGAS, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN
JURURANCANG DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA**

NURUL AISAH BINTI KHIYON

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Peranan dan tugas sebagai jururancang meliputi aspek-aspek penting dalam pembangunan negara bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi meliputi aspek-aspek yang lain juga seperti politik, sosial, spiritual, budaya dan psikologi. Dalam usaha jururancang di sektor awam dan swasta untuk merancang pembangunan negara, kedua-dua sektor tersebut berperanan dalam proses pembangunan bandar dan perhubungan di antaranya. Namun begitu, prospek kerja di sektor awam dan swasta adalah berbeza dari semua segi termasuklah kekosongan jawatan, skala gaji, bidang tugas serta suasana persekitaran. Kajian ini telah dijalankan untuk membandingkan jururancang di sektor awam dan swasta. Terdapat empat aspek perbandingan yang dikaji iaitu peranan yang dijalankan, tugas yang dijalankan, pengetahuan yang diperlukan serta kemahiran yang diperlukan dalam melalui kerjaya sebagai seorang jururancang di sektor awam dan swasta. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah soal selidik dan analisis skala likert untuk mendapatkan pendapat dan persepsi dari responden iaitu jururancang di sektor awam dan swasta. Hasil daripada kajian ini mendedahkan bahawa para jururancang di sektor awam mempunyai peranan dan tugas yang lebih meluas berbanding dengan para jururancang di sektor swasta. Jururancang di sektor awam berperanan penting sebagai pengurus serta penasihat dan pihak yang berhak untuk campur tangan berbanding jururancang di sektor swasta yang berperanan penting sebagai pakar teknikal pembangunan. Terdapat tugas yang berbeza antara mereka iaitu jururancang awam banyak melakukan tugas memproses dan mengadakan publisiti manakala jururancang swasta banyak melakukan tugas dalam penyediaan pelan pembangunan dan rancangan pembangunan. Selain itu, para jururancang di kedua-dua sektor memerlukan pengetahuan yang hampir sama antara mereka. Cuma terdapat sedikit perbezaan iaitu pengetahuan kaedah pemetaan yang lebih penting bagi jururancang swasta serta prosedur dan proses KM yang lebih penting bagi jururancang awam. Dari segi kemahiran pula, kebanyakan daripada jururancang di kedua-dua sektor memberikan tahap kepentingan yang lebih kurang sama. Namun terdapat sedikit perbezaan di mana kemahiran teknikal dan teknologi lebih penting kepada para jururancang di sektor swasta berbanding dengan para jururancang di sektor awam. Maka boleh disimpulkan bahawa, daripada kajian perbandingan ini, didapati para jururancang di sektor awam lebih berperanan dan mempunyai bidang tugas yang lebih meluas berbanding para jururancang di sektor swasta. Peranan dan bidang tugas ini mempengaruhi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh mereka.

ABSTRACT

The roles and tasks as an urban planner covers all the important aspects in the development of Malaysia not only in terms of economy, but also on other aspects for instance the politic, social, spiritual, culture and psychology. Regardless of the efforts of urban planners in both government and private sectors in developing the country, both sectors also have the important roles in the urban development process and the relationship between them. However, the prospects of work in both sectors are different in every aspect. Those aspects are job vacancy, scale of payment, field of tasks and the surrounding environment. This research had been undergone to identify the comparison between urban planner in the government and private sectors. There are four aspects of comparison for this research which are the roles that need to be taken, tasks that need to be fulfilled and also required knowledge and skills that are needed in order to pursue a career as an urban planner. The research had been done by using questionnaire and likert scale analysis in order to get perception and opinion of the respondents which are urban planners who work both in government and private sectors in response to the ranking of those criteria for this comparative study. The output of this research had reveals that urban planners in government sectors have broader roles and tasks compared to urban planners in the private sectors. Urban planners in the government sectors have important roles as managers, advisors and parties that involve compared to roles of urban planners in the private sectors as development technical expert. There are several main different tasks between them which are urban planner in the government sectors play their tasks of processing and doing publicity while urban planners in the private sectors play their tasks of preparing the development plan and development proposal. Besides, both of them need quite same knowledge except several for instance plan making which is more important to the government side and process of planning permission which is more important to the private side. In terms of skills, most of the urban planners in both sectors had given quite same ranking to the criteria. The differences are just in terms of technical and technology skills that are more important to the private side compared to government side. Thus, it can be concluded that from this comparative study, urban planners in government sectors have more roles and tasks to be conducted. Those roles and tasks influence the knowledge and skills that needed for urban planners in both sectors.